

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Kawalan Elektrik 3 8818/3 ini merupakan satu projek amali yang dianggap sebagai satu soalan sahaja. Projek ini telah dibahagikan kepada beberapa bahagian untuk tujuan memberi komen.

- Bahagian 1 Membuat pendawaian litar kawalan pada panel kawalan motor mengikut arahan yang diberi.
- Bahagian 2 Membuat pendawaian litar utama pada panel kawalan itu.
- Bahagian 3 Ikat dan gabungkan kabel pendawaian panel kawalan itu supaya kelihatan kemas dan teratur.

PRESTASI KESELURUHAN

Pada keseluruhannya, prestasi calon pada tahun ini adalah baik dan lebih kurang sama dengan prestasi tahun lepas. Kebanyakan mereka yang lemah itu tidak faham soalan dan tidak dapat menyambungkan litar panel kawalan dengan betul.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Calon Dalam Kumpulan Tinggi

Calon dalam kumpulan ini boleh menghasilkan panel kawalan yang berfungsi betul sepenuhnya. Mereka telah mencapai kemahiran teknikal seperti yang dihasratkan dalam sukatan pelajaran. Mereka boleh memasang papan kawalan motor tanpa bantuan orang lain.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Calon kumpulan ini menunjukkan hasil kerja yang boleh dianggap hampir mahir. Mereka boleh membuat kerja pemasangan papan kawalan motor dengan sedikit bantuan orang lain.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Calon kumpulan ini menghasilkan kerja yang dianggap tidak cukup mahir. Mereka perlu penyeliaan rapat untuk melakukan kerja.

PRESTASI TERPERINCI

Bahagian 1

Ada calon yang boleh buat pendawaian litar kawalan dengan betul. Bahagian ini dianggap sangat penting dan membawa banyak markah. Calon yang lemah biasanya tidak boleh menghasilkan litar kawalan yang betul. Kesilapan yang biasa ialah sambungan yang tidak betul.

Bahagian 2

Ramai calon boleh buat pendawaian litar utama dengan betul. Sebilangan kecil calon didapati silap dalam pendawaian litar utama. Kesilapan litar utama biasanya berlaku di tempat kabel fasa berselang. Kabel fasa perlu berselang mengikut litar yang diberi.

Bahagian 3

Calon yang ikat kabel pendawaian dengan kemas akan dapat markah untuk kekemasan walaupun markah itu tak banyak, ia merupakan mutu kerja seseorang. Ramai calon menganggap bahagian ini tidak penting dan tidak mengikat pendawaian mereka dengan baik. Kesilapan yang biasa ialah tidak susun dan tidak ikat kabel pendawaian dengan baik.

SARANAN KEPADA CALON

Calon disarankan meneliti perkara berikut untuk meningkatkan prestasi dalam mata pelajaran ini di masa hadapan.

1. Fahami kehendak soalan dan mengikut litar yang diberi dengan rapi.
2. Pastikan sambungan litar adalah betul.
3. Semak litar menggunakan meter.

SARANAN KEPADA GURU

Guru disarankan mengambil perhatian perkara berikut untuk membantu calon meningkatkan prestasi dalam mata pelajaran ini di masa hadapan.

1. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran pastikan calon faham prinsip sambungan dan fungsi litar tersebut.
2. Perbanyakkan latihan supaya calon lebih yakin.